

28/04/1997

Message from the Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

MALAYSIA kini adalah pengguna getah asli kelima terbesar di dunia dan kejayaan ini mencerminkan keunggulan negara membangunkan perusahaan getah yang satu ketika dulu lebih tertumpu kepada pengeluaran bahan mentah sahaja.

Dengan pertumbuhan perindustrian yang pesat serta permintaan terhadap produk getah yang kian meningkat, prestasi sektor ini dijangka akan terus kukuh.

Permintaan yang meningkat berikutan pembangunan industri-industri pembuatan barangan siap dan tambah nilai akan memantapkan lagi kedudukan ekonomi negara.

Pengwujudan Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa Malaysia diStesen Percubaan RRIM ini sudah pasti akan membantu usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan kegunaan getah dan mempamerkan barangan ini kepada para usahawan dan pelabur-pelabur.

Ini akan membantu negara mengembangkan lagi perindustrian getah ataupun menerokai bidang-bidang baru.

Industri pembuatan perlu mengeluarkan produk-produk baru bagi memenuhi citarasa masyarakat tempatan dan antarabangsa. Sementara itu, usahawan-usahawan tempatan hendaklah lebih agresif dalam mempromosikan sumber asli tempatan kita supaya dapat menembusi dan menakluki pasaran global.

Tahniah saya ucapkan kepada Institut Penyelidikan Getah Malaysia sempena dengan perasmian Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa pada hari ini.

(END)